



**MENTERI HAL EHWAL EKONOMI**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **PERUTUSAN SEMPENA HARI DEEPAVALI 2019**

Dari peradaban agung India kita mempelajari pelbagai hikmah sejagat. Antara nilai tersebut adalah bagaimana perjuangan menegakkan keadilan menumpaskan kezaliman.

Perayaan cahaya, Deepavali, adalah semangat dari kejayaan tersebut. Ia juga merupakan mesej yang universal - Sanatama Dharma - bagi umat manusia yang sentiasa digugat oleh kepalsuan dan kezaliman. Justeru itu pencarian kebenaran dan perjuangan keadilan sentiasa akan berterusan.

Bangsa Malaysia sentiasa dalam perjuangan. Kita bukan sahaja berjuang untuk membangun dari segi ekonomi, kita perlu berjuang untuk memperkukuh persahabatan dan perpaduan. Bersama rakan-rakan berketurunan India, Hindu, Sikh dan lain-lain, kita bersama merayakan Deepavali sebagai bangsa Malaysia.

Dalam berdepan dengan detik-detik mencabar kita perlu mengingati kata-kata Abraham Lincoln: *"We are not enemies, but friends. We must not be enemies. Though passion may have strained, it must not break our bonds of affection. The mystic chords of memory will swell when again touched, as surely they will be, by the better angels of our nature."*

Selamat Hari Deepavali, Deepavali Nal Vaalthukal.

**DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI**  
**Menteri Hal Ehwal Ekonomi**

**26 Oktober 2019**